

**HURAIAN TEMA SAMBUTAN ULANG TAHUN
HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023**

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

Ketahanan bangsa dan negara bergantung kepada rakyat dan penduduk yang mempunyai jati diri dan identiti berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja. Pembentukan jati diri dan identiti ini dirakamkan dalam sejarah negara, membentuk satu rupa bangsa Brunei yang keseluruhan hati murni dan wibawanya bersemangatkan nilai-nilai kebudayaan Melayu Brunei yang sejati lagi praktik dan fungsional sebagai lambang maruah bangsa.

Dalam mencapai Matlamat Wawasan Brunei 2035, kita harus mempunyai keupayaan, maruah dan martabat yang tinggi, yang manifestasi norma-norma dan nilai kita berlandaskan agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-39, Tahun 2023 menekankan warisan budaya sebagai jati diri bangsa yang sentiasa relevan dengan pembangunan negara dan bangsa. Warisan budaya orang Brunei lahir dari ekspresi budaya yang dinamik, selaras dengan aliran zaman dan teknologi, tetapi murni dan halus dalam mendukung peradaban dan tatasusila yang sopan dan indah.

Wawasan Brunei 2035 merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dimanifestasi bagi memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya; kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan janji bahawa kita akan bersatu setia taat pada Raja dan Negara, yakin dengan nilai-nilai agama Islam dan hidup berbaik-baik mengamalkan nilai-nilai orang Brunei.